

12/01/2001

MT bincang rombakan Kabinet

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Dua isu penting iaitu cadangan mengadakan pertemuan perpaduan Melayu dan rombakan Kabinet dijangka menjadi tumpuan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, esok.

Sumber berkata, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyentuh mengenai cadangannya untuk merombak Kabinet, terutama membabitkan jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen daripada Umno.

Pada mesyuarat itu, Perdana Menteri kemungkinan menggariskan strategi barunya untuk memantapkan Umno dengan mengasingkan mereka yang memegang jawatan penting dalam parti daripada menjadi menteri.

Dr Mahathir dijangka memberi bayangan mengapa beliau bertindak untuk mengugurkan menteri tertentu dan kriteria mereka yang bakal dimasukkan ke dalam Kabinet barunya.

"Selepas itu, Perdana Menteri mungkin mengumumkan rombakan Kabinet. Bagaimanapun, tidak semestinya rombakan itu akan dilakukan terus selepas mesyuarat MT.

"Hanya Perdana Menteri yang tahu bila beliau akan membuat pengumuman itu. Jika tidak akhir minggu ini, pengumuman itu mungkin dibuat minggu depan iaitu sebelum beliau berlepas untuk lawatan ke Jepun pada 18 Januari ini," kata satu sumber lain.

Pengumuman mengenai rombakan Kabinet itu dinanti-nantikan setelah Dr Mahathir sendiri mengesahkan akan berbuat demikian sekembalinya daripada lawatan ke Myanmar Selasa lalu.

Spekulasi mengenai rombakan Kabinet itu mula tersebar pertengahan Disember lalu. Tetapi peletakan jawatan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jumaat lalu menghangatkan lagi spekulasi rombakan Kabinet walaupun Dr Mahathir pernah menafikannya sebelum ini.

Mengenai isu perpaduan Melayu, mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang esok dijangka membuat ketetapan mengenai kaedah pertemuan di antara Umno dan Pas bagi membincang masalah berkaitan.

Mesyuarat Pengurusan dan Disiplin Umno minggu lalu, memutuskan supaya pertemuan Dr Mahathir selaku Presiden Umno dengan dua lagi pemimpin Melayu parti pembangkang iaitu Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Format kedua pula ialah pertemuan itu disertai oleh delegasi tiga parti berkenaan. Cadangan itu adalah untuk dikemukakan kepada MT.

Pas memutuskan untuk menerima pelawaan itu tetapi Keadilan kemudiannya menolak walaupun Wan Azizah pada awalnya menyatakan bersedia menyertai perbincangan berkenaan.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata, Umno sedia untuk mengadakan pertemuan dengan Pas sahaja jika Keadilan enggan turut serta.

Mesyuarat esok juga dijangka membincang lanjut syarat yang diberikan oleh Fadzil supaya skop perbincangan diperluaskan bagi membincang isu nasional, bukan terhad kepada perpaduan orang Melayu saja.

(END)